

01 MAR 1999

Mahathir-syukur

RAKYAT HARUS BERSYUKUR DI ATAS KEDAULATAN EKONOMI, KATA DR M

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

DHAKA, 1 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat Malaysia harus berterima kasih kepada kerajaan kerana melaksanakan langkah-langkah pemulihan ekonomi dan mempertahankan kedaulatan ekonomi daripada campur tangan pihak luar.

Ketika ekonomi beberapa negara di rantau ini berada di bawah telunjuk Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Malaysia masih mampu merangka program pembangunan seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi membantu rakyatnya, katanya.

Justeru itu, rakyat, terutama generasi muda harus berterima kasih kepada kerajaan di atas langkah-langkah tersebut, yang mengambil kira kebajikan masyarakat umum negara, katanya.

Dr Mahathir, yang berada di sini kerana menghadiri sidang kemucak kedua Kumpulan Lapan (D-8) negara-negara membangun Islam, berkata demikian di majlis makan malam di sini malam semalam, yang dianjurkan oleh duta Malaysia ke Bangladesh, Datuk Zulkifli Abdul Rahman.

Kumpulan D-8, yang dibentuk pada Jun 1997 dianggotai oleh Bangladesh, Mesir, Indonesia, Iran, Malaysia, Nigeria, Pakistan dan Turki, bertujuan untuk meningkatkan kerjasama ekonomi.

Turut hadir di majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan rakyat Malaysia yang berada Bangladesh.

Perdana Menteri kesal generasi muda di Malaysia, yang lahir dalam era kemakmuran tidak menghargai kehidupan selesa yang dinikmati dan pentingnya untuk mempertahankan kedaulatan ekonomi.

Mereka memikirkan negara sentiasa aman dan makmur, tanpa mengetahui bahawa kemiskinan luar bandar, pengangguran dan taraf hidup rendah adalah antara ciri-ciri Malaysia di awal pembentukannya, kata Mahathir.

Bagaimanapun, Malaysia berjaya meningkatkan taraf hidup penduduknya menerusi program pembangunan tanah, seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan yang lebih penting DEB.

Bagaimanapun, kini, Malaysia bergelut dengan masalah kewangan akibat serangan spekulator matawang, yang membawa kepada kegawatan ekonomi serantau yang sebelum ini tidak dijangkakan, katanya.

Ia telah memaksa negara menangguhkan banyak projek pembangunan dan hasrat untuk mencapai tahap pengindustrian yang lebih besar, menerusi Wawasan 2020 sedikit sebanyak terjejas.

Beliau berkata banyak syarikat antarabangsa dengan kewangan yang besar berbanding kebanyakan negara membangun menunggu peluang untuk mengambil kesempatan ke atas negara-negara membangun seperti Malaysia.

Dr Mahathir berkata mereka marah apabila Malaysia melaksanakan kawalan matawang selektif untuk melindungi ringgit dan pasaran saham, dan tidak meminjam daripada IMF, ini membuatkan mereka tidak dapat membeli aset di Malaysia dengan murah.

Dr Mahathir berkata syarikat gergasi antarabangsa terutamanya dalam sektor automobil, menunggu peluang untuk membeli syarikat Malaysia, seperti Perusahaan Otomobil Nasional Malaysia (Proton), pembuat kereta nasional.

Dr Mahathir berkata mereka mempunyai kapasiti dan wang yang mencukupi untuk membeli apa sahaja di Malaysia dan kini dengan tindakan negara yang menolak bantuan IMF, mereka akan melakukan apa sahaja untuk cuba menggagalkan langkah pemulihan yang diambil oleh negara.

Sebagai contoh, beliau berkata mereka telah menghalang usaha Malaysia untuk mengumpul dana sendiri apabila agensi penarafan seperti Moody's

menurunkan gred kepercayaan kredit negara.

Perdana Menteri memberi amaran bahawa pihak terbabit masih aktif cuba menghalang usaha Malaysia untuk mendapatkan pinjaman dengan cuba mempengaruhi negara-negara seperti Jepun supaya tidak memberi pinjaman kepada negara menerusi penilaian negatif mereka.

Jika Malaysia meminjam daripada IMF, syarikat-syarikat dan bank tempatan akan jatuh muflis kerana pertubuhan dunia itu akan mengenakan syarat-syarat yang akan menjatuhkan kedaulatan negara, katanya.

"Keutamaan kita adalah untuk membantu diri kita sendiri, bukan menerusi pihak luar yang tidak mengambil kira kebajikan rakyat," katanya.

Untuk membendung senario seumpama itu, Dr Mahathir berkata rakyat mestilah terus memberi sokongan kepada kerajaan bagi menjamin kemakmuran dan tidak mengambil tindakan yang boleh membawa kepada ketidakstabilan politik.

-- BERNAMA  
MR ZK MA RI